

PELIHARALAH TULISAN MELAYU

TULISAN DAN PERSURATAN MELAYU

Rencana yang berharga ini telah ditulis oleh al-Faḍil

Kiyai Muḥammad Faḍlullāh Suḥaymi di dalam buku “Hiburan Hari Raya” yang diterbitkan oleh Tuan Shaykh Muḥammad ‘Alī ‘Abduh dalam tahun 1935. Makalah ini bertajuk “Peliharalah bangsa Melayu” mengandungi soal bangsa, bahasa. Tulisan dan agama orang Melayu dibawah ini kita peturunkan soal tulisan kerana soal ini telah timbul semula setelah terpendam lama.



*Al-Faḍil Kiyai Muḥammad
Faḍlullāh Suḥaymi*

Yang dikehendaki tulisan dan surat di sini ialah huruf Arab atau yang dikenakan huruf Jawi oleh setengah puak. Yang telah dipakai oleh bangsa Melayu dan digunakan kepada tulis menulis dan surat menyurat dari mula-mula tersebut bangsa Melayu (beragama Islam- P.Q) jadilah tulisan yang mengandungi huruf-huruf Arab dan Parsi yang termaklum itu satu daripada badan bangsa Melayu hinggalah sampai pada masa kita ini. Ini adalah wajib dipelihara sebagaimana adat dan bahasa percakapan bangsa Melayu juga.

Akan tetapi setengah daripada puak yang memandang bahawa semua perkara yang datang dari Barat atau menuju ke Barat itu baik belaka maka dengan girang mereka akan menerima perubahan persuratan Melayu yang asli diganti dengan tulisan yang lain pula.

Keterangan: Mereka itu telah banyak menggunakan dalam surat-suratnya dengan huruf itu. Padahal mereka mengerti dan pandai juga menulis atau membaca hurufnya yang asal.

Adapun dalil atau sebab bagi menguatkan fikiran puak

yang sukakan surat baru itu

- Pertama : memudahkan jadi satu ejaan
- Kedua : cantik
- Ketiga : Indonesia telah menggunakan huruf Rumi
- Keempat : kerajaan Turki pun telah berubah suratannya yang asal dengan huruf Rumi.
- Kelima : Dengan sebab perubahan huruf di Indonesia dan Turki mereka itu ada lebih maju daripada Semenanjung Tanah Melayu dan juga kiranya tidak ada faedahnya dan tidak berguna besar pada menggunakan huruf Rumi itu dalam bahasa mereka itu nescaya tidaklah diperbuat oleh orang-orang Turki dan Indonesia.

Sampai di sinilah yang kita dapat tahu hujah-hujah dan keterangan mereka itu dalam hal ini.

Pada menjawabnya:

Yang pertama: perkara ejaan itu mudah disama dan disatukan tidak berkehendak kepada menukar suratannya, hanya terpulang kepada pendeta-pendeta bahasa dan pihak yang berkuasa

pada mengaturnya.

Yang kedua: tentang

cantik itupun terpulung

kepada adat resam masing-masing

dan tempat kehidupan

masing-masing baik pada ini

barangkali tidak baik

pada itu dan sebaliknya.

Yang ketiga: Di Indonesia

ada berbagai-bagai bangsa dan

persuratan. Bangsa Jawa

Barat dan Madura.

Bahasa percakapan dan

juga suratannya seperti

suratan bangsa Tamil.

Bugis begitu juga

Bali, Sembawa, Boyan

Manadu, Aceh, Minangkabau,

Palembang, Batak,

Jambi, dan lain-lainnya

lagi, boleh dibilang berpuluh-puluh macam bahasa

dan berpuluh-puluh macam pula suratannya. Oleh kerana

hendak memudahkan urusan. Dan peraturan negeri maka

dijadikanlah oleh yang berkuasa di sana menjadi satu

suratan dengan huruf Rumi ialah huruf yang digunakan

oleh kerajaan Holland. Demikian juga bahasanya, pertama

Belanda yang kedua bahasa Melayu. Dengan sebab perubahan

ini senanglah bagi pihak yang berkuasa pada menjalankan

tujuannya pada rakyatnya. Tetapi rugi pula bagi


penduduk Indonesia, kerana kebanyakan merekaitu tidak

mengerti lagi membaca huruf yang asal melainkan sedikit

sahaja terutamanya dalam huruf Arab, dan dengan sebab

tidak mengerti huruf Arab itu banyak pula yang tidak

mengerti agamanya, dan dengan sebab tidak mengerti hurufnya



Gambar ini dilukiskan oleh "A. 'Ali" seorang pembaca Qalam menggambarkan perasaan hatinya tentang soal tulisan Melayu dan Rumi. Tujuannya fahamkan sendiri.

orang Eropah memerintah Indonesia tidaklah boleh dibilangkan maju dengan derasnya.

Bagi menjawab perkara yang kelima: Sebab kerajaan

Turki itu meninggalkan hurufnya yang asal (huruf Arab)

lalu diganti dengan huruf Rumi, ada beberapa sebab:

Pertama: kerajaan tidak lagi mengaku beragama Islam

Kedua: Pelajaran agama Islam dibuang daripada sekolah-sekolah kerajaan.

Ketiga: Bencikan bangsa Arab hingga semua sekali lafaz perkataan dan adat-adat Bahasa Arab yang ada bercampur dengan bahasa Turki dibuang dengan beberapa buah hingga nama pun akan dibuang juga. Tentang kemajuan orang Turki pada masa sekarang inipun tidaklah boleh dikatakan maju bila dibandingkan dengan kemajuannya dalam lima puluh tahun.

Yang asal: jadi banyak pula yang terputus hubungannya dengan adat-adat bangsanya yang asal. Apabila telah memutuskan yang demikian, kuranglah kasih sayangnya kepada negerinya (inilah rahsia yang besar sekali). Akan tetapi di Semenanjung ini tidak begitu kerana Melayu Semenanjung semuanya menggunakan satu bahasa iaitu Melayu, dan tulisannya (yang rasmi) pun satu, tidaklah berkehendak diganti dengan lainnya. Tentang kemajuan Indonesia itu bila dibandingkan dengan banyak bilangan orangnya. Dan masanya, ertinya mulai

dahulu. Barangkali orang-orang yang mengerti tarikh mengetahui akan kebesaran Turki dan kemajuannya di dunia dahulu lebih daripada sekarang.

Dan juga nampaknya kebanyakan pemuda-pemuda sekarang dan puak yang sukakan demikian selalu bersandar dan bertauladan kepada kemajuan Turki tetapi lali mereka itu atau tidak terpandang dan membuat tauladan kepada bangsa yang hamper kepada kita pada menggunakan adat dan tulimannya yang asal dan begitu jua tentang kemajuannya iaitu bangsa Jepun. Adakah orang-orang Jepun itu membuang hurufnya yang asal digantikan dengan huruf Rumi? Melainkan huruf Rumi itu dipakai oleh mereka itu di dalam pekerjaan yang berhubung dengan bangsa asing sahaja.

Adapun, semua pekerjaan dalam negeri seperti *anchor*, pertukangan, kesihatan, kehidupan, perniagaan, semua sekali dengan bahasanya sendiri dan tulisannya sendiri.

Kemudian bandingkanlah orang Turki dengan Jepun sekarang satu kapal perang orang Turki tak dapatlah membuatnya bagaimana hendak dikatakan maju? Tetapi kiranya hendak dibandingkan dengan bangsa Melayu, lemahlah saya hendak menjawabnya.

Buku-buku cerita mata-mata gelap

Perbunuhan di padang polo	30 sen
“ di Lautan Atlantik	30 ‘
Penari	30 ‘
Jantan mata keranjang	30 ‘
Pukul 4 subuh	30 ‘
Lelaki binatang	30 ‘
Menjual agama	30 ‘

Alamatkannya pesanan-pesanan kepada Manager

Qalam Press LTD., P.O. Ecx 3013.

SINGAPORE

PANDUAN RASULULLAH

“Sesungguhnya sebaik-baik pencarian itu ialah pencarian orang yang berniaga, yang apabila berkata-kata, tidak mereka berdusta; apabila dipercayai, tidak mereka khianat, apabila berjanji tidak mereka memungkiri janjinya; apabila membeli tidak mereka mencela (barang orang); apabila menjual, tidak mereka memuji barangnya; apabila berhutang, tidak mereka payah membayarnya, apabila orang berhutang kepadanya, tidak mereka meminta dengan paksa.”

-maksud hadis Bayhaqī

“Barang siapa merendah diri kepada Allah (menjunjung perintah) satu darjat, nescaya Allah melayakkan dia satu darjat. Hingga Allah tempatkan dia pada darjat yang tinggi sekali, dan barang siapa takbur kepada Allah satu darjat, nescaya Allah rendahkan dia satu darjat hingga Allah tempatkan dia pada darjat yang sehinah-hinanya.”

-maksud hadith Ibn Mājah dan Ibn Ḥassan

Dalam bilangan “Qalam” yang akan datang tuan Za’ba akan melanjutkan huraian berkenaan “bahasa Indonesia”

Harap dibetulkan

Dalam bilangan 45 yang lalu muka 14 ruangan 1 baris 6 dari atas, tersebut “Hingga” yang betulnya ialah “Lingga”.